

OLEH OTHMAN SHAFIE
1982

JITRA, 17 JUN (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA LANGKAH BERJINAT YANG DIAMBIL OLEH KERAJAAN SEKARANG BERTUJUAN UNTUK MEMPERCEPAT PEMULIHAN EKONOMI NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA DENGAN LANGKAH ITU MASA DEPAN NEGARA AKAN LEBIH BAIK DAN KEADAAN EKONOMI YANG SEDIKIT MEROSOT AKIBAT KEMELESE- TAN EKONOMI DUNIA SEKARANG DAPAT DIPULINKAN SESERA.

BERUCAP DI MAJLIS KEBYUKURAN KERANA KEJAYAAN BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA LALU BAGI KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU DI PEKAN TANAH MERAH DEKAT SINI HARI INI, BELIAU BERKATA, KERAJAAN TERPAKSA MELAMBATKAN SEDIKIT PROJEK-PROJEK YANG KURANG PENTING UNTUK MENJIMATKAN PERBELANJAAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA PROJEK-PROJEK UNTUK MENINGKATKAN TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYAT TETAP DILAKSANAKAN MENGIKUT PERANCANGAN WALAUPUN TERPAKSA DILAMBATKAN SEDIKIT.

KATANYA PADA MASA INI HABIL NEGARA DARI BARANGAN UTAMA MEROSOT DI PASARAN DUNIA DAN INI MEMBERI KESAN KEPADA EKONOMI NEGARA KERANA NEGARA PERLU MENGINPORT BARANG-BARANG DARI LUAR UNTUK PEMBANGUNAN.--BERSAMBUNG 1500/HW

MAHATHIR-JIMAT 2 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU SUPAYA RAKYAT MENGUBAH SIKAP YANG KURANG BERUSAHA KEPADA SIKAP KUAT BEKERJA SUPAYA MEREKA MENJADI LEBIH BAHAGIA DAN DIHORMATI OLEH ORANG LAIN.

KATANYA KERAJINAN DENGAN KEHIDUPAN BAHAGIA MEMPUNYAI KAITAN YANG AMAT RAPAT.

OLEH ITU BELIAU MENYERU SUPAYA RAKYAT MENJALANKAN INDUSTRI- INDUSTRI KECIL DI SAMPING PEKERJAAN UTAMA MEREKA BAGI MENAMBAHKAN PENDAPATAN.

KERAJAAN JUGA SEDANG MERANCANG PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KECIL DI KAWASAN LUAR BANDAR DENGAN TUJUAN YANG SAMA.

DI SAMPING BERUSAHA MEREKA JUGA HENDAKLAH BERDISIPLIN KERANA DENGAN ITU AKAN MEMBERI KEYAKINAN KEPADA PELANGGAN-PELANGGAN HASIL USAHA MEREKA.--BERSAMBUNG 1506/HM

B541

MAHATHIR-JIMAT 3 JITRA

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA MENAMBAHKAN PENDAPATAN BUKANLAH BERERTI SESEORANG ITU TAMAK KEPADA KEKAYAAN TETAPI DENGAN PENDAPATAN YANG LEBIH SESEORANG ITU DAPAT MENUNAIKAN IBADAT SEPERTI FARDHU HAJI.

JELASNYA Mencari kekayaan adalah juga digalakkan oleh Islam dan tidak bercanggah dengan agama.

Mengenai rancangan kerajaan menjadikan kawasan Kubang Pasu sebagai daerah contoh, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata disamping mendirikan industri-industri kecil usaha juga akan diambil oleh kerajaan dengan penyertaan rakyat untuk menjaga kebersihan kawasan masing-masing.

Beliau menyeru setiap rakyat mengambil perhatian terhadap kebersihan kerana ia adalah sesuai dengan kehendak Islam.

Turut hadir di majlis itu ialah anggota Exco Kanan Negeri Kedah Datuk Haji Othman Aroff, anggota Parlimen Tunjang Haji Hanafi Ramli dan pegawai daerah Kubang Pasu Datuk Nor Aman Haji Raffii. -- Bernama 1511/HM

MAHATHIR-JIMAT 4 JITRA (REOPEN ITEM 541) R'R'R'

Kemudian, ketika berucap dalam perjumpaan dengan penduduk Mukim Malau kira-kira 15 km dari sini, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru dikekalkan sikap tata-tertib di kalangan pemimpin dari peringkat atasan hingga bawahan.

Katanya, sikap itu terbukti telah membawa kemenangan kepada calon-calon barisan nasional kerana sokongan beratus-ratus dan beribu-ribu pekerja itu telah memberi kemenangan kepada calon-calon yang sedikit sahaja.

Perdana Menteri berkata sikap itu juga patutlah dikukuhkan di kalangan semua peringkat dalam pentadbiran awam atau industri swasta.

Katanya jika semuanya mahu menjadi pemimpin tidak ada siapa yang menang dan akhirnya negara juga yang hancur.

Oleh itu unsur-unsur yang boleh menyebabkan pecah-belah hendaklah dihapuskan dan setiap tenaga rakyat digembleng untuk memajukan bidang masing-masing. -- Bersambung 1930/SZ

B661

MAHATHIR-JIMAT 5 JITRA

Beliau menyeru setiap rakyat membuat kerja-kerja yang sesuai dengan diri masing-masing dan jangan terlalu memilih pekerjaan.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata jika rakyat terlalu memilih pekerjaan mereka akan kehilangan peluang dan peluang itu akan dipenuhi oleh orang lain.

Tegasnya, peluang pekerjaan cukup banyak di negara ini tetapi rakyat sendiri yang tidak mempunyai kesanggupan membuatnya. Semua pekerjaan walau susah dan rumit sekalipun adalah tidak mustahil dibuat oleh rakyat sendiri.

Beliau lalu menyeru anak-anak muda supaya membuang sikap tidak sanggup bekerja itu kerana ini bikanlah merupakan khidmat kepada diri sendiri sahaja tetapi juga kepada negara dan agama.

-- Bernama 1932/SZ